



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 4457 (KP),  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

*Oleh;*

**Y.H. DATO' DR. ABD. AZIZ BIN JAMALUDDIN**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia**  
**24 Mac 2010**

### PERANAN JPV DALAM ISU KEBAJIKAN HAIWAN

1. Pada 2 Mac 2010 semasa menghadiri sesi Forum Bengkel Pengurusan Haiwan Terbiar dan Peliharaan yang Efektif di Negeri Selangor anjuran Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Dato' Dr. Ahmad Suhaimi Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Veterinar) telah membuat kenyataan berkaitan cadangan sesiapa yang ingin memakan anjing dibenarkan berbuat demikian. Kenyataan tersebut ialah pandangan peribadi beliau dan bukanlah merupakan pendirian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
2. Satu daripada fungsi JPV ialah mengawal kebajikan haiwan di Negara ini. Sehubungan itu, JPV memikul tanggungjawab ini dengan serius dan amat peka dengan sensitiviti awam terhadap kebajikan haiwan terutama haiwan yang terbiar. JPV telah diberi kuasa yang termaktub di dalam Akta Binatang 1953 (semakan 2006) untuk menangani dan mengambil tindakan ke atas kes-kes kezaliman haiwan.
3. JPV sentiasa memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kebajikan haiwan agar orang awam menjadi tuanpunya yang bertanggungjawab (responsible pet ownership). Sehubungan itu, JPV telah dan akan terus menjalankan kempen kesedaran kebajikan haiwan dengan kerjasama dari PBT dan badan professional seperti *Malaysia*

4. Walaupun tanggungjawab pengurusan haiwan terbiar adalah di bawah bidang kuasa PBT, JPV sebagai penjaga kebajikan haiwan (custodian of the animal welfare) sentiasa memberi kerjasama dan bantuan di mana perlu. JPV bertanggungjawab untuk memastikan cara-cara penangkapan dan pelupusan haiwan yang tidak dituntut dijalankan dalam keadaan yang tidak menzalimi haiwan tersebut. Pada bulan Mei 2008, JPV telah menghasilkan Garis Panduan Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar (Stray Dogs). Garis panduan ini memberi penekanan kepada penangkapan anjing secara berperikemusiaan, keperluan asas untuk pengangkutan anjing ke paun, pengurusan paun, euthanasia dan pemusnahan karkas.
5. JPV juga telah mengariskan beberapa langkah di dalam pelan strategik kebangsaan untuk kebajikan haiwan. Di antaranya ialah menubuhkan satu sekretariat yang akan bekerjasama dengan badan kerajaan dan bukan kerajaan, membentuk polisi-polisi dan peraturan berkaitan, mengenalpasti bidang keutamaan, membangunkan standard dan garis panduan kebajikan haiwan yang akan diserap ke dalam sistem pengurusan haiwan kesayangan, pengurusan haiwan makmal dan haiwan liar kerana kebajikan haiwan bukan hanya untuk anjing terbiar tetapi juga untuk semua jenis haiwan. Jabatan telah mengenalpasti keperluan mewujudkan pakar di dalam kebajikan haiwan dan untuk itu akan menubuhkan *center of excellence* untuk menjalankan kajian berkaitan. Selain itu, JPV akan terus memainkan peranan aktif di dalam kempen kesedaran awam untuk kebajikan haiwan.
6. JPV akan terus memantau isu-isu kebajikan haiwan dan akan mengambil tindakan di bawah perundangan yang ada bagi memastikan kesejahteraan haiwan terjaga. JPV amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk dari Badan bukan Kerajaan (NGOs) bagi memastikan kebajikan haiwan terpelihara, bersesuaian dengan Malaysia sebagai satu masyarakat penyayang.